

Perkembangan Pendidikan di Malaysia selepas 1969

Rosfazira Abd Rashid
SMK Taman Mutiara Rini 2, Off Jalan Hang Jebat, Mutiara Rini,
81300 Skudai, Johor, Malaysia

emel: rosfazirarashid@gmail.com

Published: 23 December 2024

To cite this article (APA): Rashid, R. (2024). Perkembangan pendidikan di Malaysia selepas 1969. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 2(2), 60–76. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol2.2.5.2024>

Abstrak

Kajian ini menghuraikan sejarah pendidikan di Malaysia sejak 1970-1990. Dalam perkembangan sejarah pendidikan, 1970-1990 merupakan era di mana usaha memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan berlangsung. Salah satu pendekatannya adalah dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah di Malaysia. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah penyelidikan sejarah. Maklumat yang dibincangkan di dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan sumber sekunder yang berkaitan. Maklumat yang terdapat di dalam sumber-sumber yang dirujuk mencadangkan bahawa masalah yang timbul berkaitan Bahasa Melayu diselesaikan melalui pelbagai tindakan yang dirangka dan dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Maklumat berhubung isu dan masalah bahasa serta tindakan yang dibuat untuk mengatasinya sepanjang tempoh kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan untuk menyelesaikan isu bahasa yang timbul pada hari ini. Jelasnya, isu bahasa yang timbul hari ini boleh diatasi dengan rancangan dan tindakan yang terancang dan sistematik daripada semua pihak yang berkenaan.

Katakunci: Bahasa Melayu, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR), Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM), Sejarah Pendidikan

Abstract

This research explores the history of education in Malaysia between 1970 and 1990. In the development of education history, this period marks an era where efforts to empower the Malay language as the national language took place. One of the approaches was to make Malay the medium of instruction in all schools in Malaysia. The study was conducted using historical research methods. The information discussed in this study is based on reports issued by the Ministry of Education Malaysia and information derived from secondary sources. Findings suggest that the issues regarding the Malay language were resolved through a variety of actions formulated and carried out by the Ministry of Education Malaysia. Information related to language issues and the actions taken to address them during this period can serve as a guide to resolve the language issues that arise today. Clearly, the language issues of today can be addressed with well-planned and systematic strategies and actions from the relevant parties.

Keywords: *Malay Language, New Primary School Curriculum (KBSR), New Secondary School Curriculum (KBSM), History of Education*

Pengenalan

Tragedi 13 Mei memberikan kesan yang besar dalam setiap perkembangan yang berlaku di Malaysia selepas 1970. Dalam sejarah pendidikan, tempoh sepanjang 1957 hingga 1970 merupakan era penyusunan semula sistem pendidikan di Malaysia oleh Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara. Dalam tempoh ini era pembangunan dan pengukuhan sistem pendidikan dilaksanakan bagi mencapai hasrat untuk mewujudkan negara yang stabil dan maju. Sebagai sebuah negara majmuk, isu bahasa diambil perhatian serius di dalam bidang pendidikan. Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pendidikan dinyatakan dengan jelas dalam Akta Pendidikan 1961, namun pelaksanaanya masih belum mantap sepenuhnya. Bahasa Melayu hanya dijadikan sebagai bahasa pengantar di Sekolah Jenis Kebangsaan bermula pada tahun 1970. Sehubungan itu, makalah ini menumpukan kepada isu berkaitan bahasa Melayu sahaja. Proses perubahan pendidikan dan masalah yang timbul ekoran daripada perubahan yang dilakukan serta langkah untuk mengatasinya dijadikan perbincangan utama di dalam makalah ini.

Latar Belakang Pendidikan Di Malaysia 1970 – 1990

Peristiwa konflik antara kaum atau lebih dikenali sebagai Tragedi 13 Mei memberi kesan besar dalam pembentukan dasar dan matlamat pendidikan negara dalam tempoh kajian ini.¹ Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menyeimbangkan keadaan dalam masyarakat bagi mengelakkan timbulnya konflik perkauman. Sesuai dengan dasar DEB yang diperkenalkan maka matlamat pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) dirancang untuk memperkuuhkan sistem pendidikan dan menggalakkan integrasi nasional, mengubahsuai dan memajukan program pendidikan serta latihan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja terlatih dalam berbagai bidang. Ia juga digunakan untuk mempertingkatkan mutu pendidikan bagi membina masyarakat yang progresif yang berasaskan sains dan teknologi. Namun, langkah paling utama yang dilaksanakan untuk mencapai integrasi nasional dan perpaduan kaum adalah menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah.² Penguasaan bahasa Melayu dilihat sebagai satu wadah untuk mengukuhkan perpaduan bagi menghalang wujudnya konflik kaum yang mengerikan seperti yang terjadi pada Mei 1969.

Dalam usaha untuk memperkasakan pendidikan, penambahbaikan kurikulum diberikan perhatian khusus dalam pendidikan negara. Ekoran itu, pada tahun 1974, satu Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan, Mahathir Mohamad ditubuhkan untuk mengkaji keberkesanan, kekurangan dan masalah dalam dasar pendidikan sebelumnya. Jawatankuasa Kabinet ini menyerahkan laporannya pada tahun 1979 dan ternyata ia memberikan dimensi baru kepada pendidikan negara.³ Hasilnya, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dirangka dan dilaksanakan pada tahun 1983 dan diikuti dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Mengikut sistem pendidikan Malaysia sehingga tahun 1991, terdapat enam jenis sijil yang diberikan kepada pelajar yang lulus peperiksaan berkenaan di pelbagai peringkat pendidikan, iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPMV), Sijil Tinggi Persekutuan Malaysia (STPM), diploma/sijil dan ijazah (termasuk ijazah Sarjana dan ijazah Kedoktoran Falsafah).⁴

Jadual 1: Taburan peratus penduduk yang mempunyai kelulusan pelajaran mengikut sijil tertinggi yang diperolehi 1980 dan 1990.


Sijil tertinggi yang diperolehi	1980		1991		Kadar pertumbuhan tahunan purata 1980-1991 (%)
	Bilangan (ribu)	Peratus	Bilangan (ribu)	Peratus	
Ijazah	65	3	210.4	5	10.7
Diploma/sijil	40.5	2	222.6	5	15.5
STPM	85.7	5	314.1	7	11.8
SPM/SPVM	776.5	41	1963.8	43	8.4
SRP	924.5	49	1880.2	41	6.5
Jumlah	1892.3	100	4591.2	100	8.1

Sumber: Laporan Am Banci Penduduk 1991 Jilid 1. Hlm 126

Berdasarkan kepada jadual di atas, terdapat perubahan yang menunjukkan lebih ramai penduduk yang memperolehi kelulusan yang lebih baik berbanding generasi sebelumnya. Di antara tahun 1980 dan 1991, kadar pertumbuhan tahunan purata tertinggi adalah bagi mereka yang mempunyai diploma/sijil dan ijazah, iaitu masing-masing pada tahap 15.5 peratus dan 10.7 peratus. Dengan pertambahan yang ketara ini, peratusan jumlah penduduk yang mempunyai kelulusan diploma/sijil semakin baik. Ini adalah peningkatan dari tahap peratus dalam tahun 1980. Begitu juga 5 peratus dari jumlah penduduk yang mempunyai kelulusan pelajaran telah memperolehi ijazah dalam tahun 1991 berbanding dengan 3 peratus pada tahun 1980.

Seperkara penting dalam era ini ialah pertukaran nama Kementerian Pelajaran kepada Kementerian Pendidikan pada tahun 1987. Seterusnya buat pertama kali pernyataan falsafah pendidikan secara bertulis digubal oleh Kementerian Pendidikan. Organisasi pentadbiran Kementerian Pendidikan Malaysia berpusat di Kementerian Pendidikan. Ini bermakna segala dasar pendidikan yang berkaitan dengan kurikulum, kokurikulum, perkhidmatan, dan kewangan diputuskan oleh Menteri Pendidikan.⁵ Walau bagaimanapun, untuk membantu melaksanakan dan menyelaraskan pendidikan di seluruh negara, maka Pejabat Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dan pejabat pendidikan bahagian (di Sabah dan Sarawak) ditubuhkan.⁶ Berikut merupakan carta organisasi bagi Kementerian Pendidikan Malaysia dalam tempoh kajian ini.

Jadual 2: Organisasi sistem pentadbiran pendidikan kebangsaan di Malaysia



Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR)

Kurikulum Baru Sekolah Rendah mula diperkenalkan pada tahun 1982 di beberapa buah sekolah sebagai percubaan.⁷ Kemudian ia dilaksanakan di seluruh negara secara serentak pada tahun 1983 dan pada tahun 1986 telah dilaksanakan sepenuhnya (dari darjah satu hingga enam).⁸ Penggubalan kurikulum baru adalah berdasarkan kepada Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan pada tahun 1979, Laporan Kabinet: Perakuan 57 (a) iaitu:⁹

“Kurikulum Sekolah Rendah itu hendaklah dirancang untuk membolehkan murid-murid mencapai kemahiran dalam tugas bidang asas, iaitu bidang Komunikasi, bidang Manusia dengan Alam Kelilingnya dan bidang Perkembangan Diri Individu sesuai dengan keperluan, minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu.”

Matlamat KBSR ialah membantu setiap individu memperolehi pembangunan secara seimbang dalam semua aspek iaitu fizikal, roh, intelek, sosial, emosi, dan moral. Secara spesifiknya, Kementerian Pendidikan menyatakan matlamat KBSR ini boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu komunikasi, manusia dan alam sekitar, dan pembangunan kendiri.¹⁰ Dalam bahagian komunikasi, matlamatnya ialah untuk membolehkan seseorang individu itu berupaya berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan negara, Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua penting, aritmetik dan aspek pengiraan.¹¹ Matlamat kedua iaitu manusia dan alam sekitar adalah membolehkan seseorang individu berinteraksi dengan baik, prihatin dan menghargai alam sekitar.¹² Matlamat yang ketiga iaitu pembangunan kendiri ialah memberikan peluang kepada setiap individu membangunkan setiap potensi dan bakat serta membina minat estetika dan aktiviti rekreasi dalam konteks kebudayaan negara.¹³

KBSR terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa pertama ialah dari darjah satu hingga darjah tiga manakala fasa dua ialah dari darjah empat hingga darjah enam. Kurikulum ini menekankan kebolehan berkomunikasi dan kemahiran mengira. Ia juga mengambil berat soal pembangunan moral dan roh individu dengan menambahkan masa Pendidikan Islam dan memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan moral kepada murid bukan Islam. Pendidikan Moral memfokuskan kepada 12 nilai, iaitu nilai-nilai yang dipersetujui oleh semua agama dan nilai-nilai universal. Jadual di bawah menunjukkan peruntukan masa bagi mata pelajaran yang diperlukan dalam KBSR.

Jadual 3: Mata pelajaran dan peruntukan masa KBSR

Bidang	Mata Pelajaran	Peruntukan Masa/Minggu			
		Fasa 1		Fasa 2	
		Min.	%	Min.	%
Komunikasi	Bahasa Melayu	450	34	330	23
	Bahasa Inggeris	240	18	210	15
	Matematik	210	16	210	15
Manusia dan Alam Sekitar	Alam dan Manusia Pen. Agama Islam/Pen. Moral	- 180	- 14	240 17 180	17 12
Perkembangan Diri Individu	Muzik	60	4	60	4
	Pendidikan Seni	60	4	60	4
	Pendidikan Jasmani	60	4	60	4
	Kokurikulum	60	4	60	4
	Perhimpunan	30	2	30	2
	Jumlah	1350	100	1440	100

Sumber: Education in Malaysia, 1989: 20

Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM)

Rancangan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) merupakan satu langkah kerajaan ke arah meningkatkan mutu pendidikan negara dengan penekanan terhadap potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.¹⁴ Langkah ini bertujuan untuk melahirkan rakyat yang dapat memberi sumbangan terhadap kemakmuran dan keharmonian negara.¹⁵ Usaha ke arah menghasilkan KBSM bermula pada tahun 1980, selaras dengan beberapa perakuan yang dikemukakan dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979.¹⁶ Pada tahun 1988, KBSM dijalankan secara berperingkat bermula dengan mata pelajaran bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.¹⁷ Pelaksanaan untuk mata pelajaran lain bermula pada tahun 1989.¹⁸ Kementerian Pendidikan bagi bahagian kurikulum melaporkan bahawa,

Kurikulum sekolah menengah yang lama didapati kurang memberi penekanan kepada nilai-nilai dan kemahiran-kemahiran yang membolehkan pelajar menjadi warganegara yang bersemangat patriotik dan berakhhlak mulia. Di antara ciri-ciri yang terdapat dalam kurikulum tersebut ialah kandungan yang terlalu memberatkan ilmu pengetahuan dan penekanan yang berlebihan terhadap persediaan untuk pelajaran tinggi. Penekanan-penakanan ini telah menyebabkan kurangnya tumpuan kepada perkembangan watak dan sahsiah pelajar.

Pendidikan sekolah menengah menggunakan KBSM. KBSM menunjukkan perubahan seperti berikut:

- i.Pendidikan Moral diperkenalkan buat pertama kalinya dan dijadikan sebagai subjek teras kepada murid bukan Islam.
- ii.Mata pelajaran Sejarah dan Geografi diberikan lebih masa.
- iii.Mata pelajaran pra-vokasional dikekalkan tetapi ditukarkan kepada mata pelajaran Kemahiran Hidup di mana murid didedahkan kepada semua kemahiran asas dalam masa tiga tahun.
- iv.Mata pelajaran Sivik ditiadakan tetapi dimasukkan dalam semua mata pelajaran yang dinamakan sebagai merentas kurikulum.
- v.Masa yang diperuntukkan kepada Pendidikan Jasmani telah dikurangkan separuh manakala mata pelajaran Pendidikan Islam, Sains dan Matematik meningkat sedikit.

Di samping memperkenalkan Pendidikan Moral dan meningkatkan waktu Pendidikan Islam, kurikulum bersepadu ini juga menekankan integrasi nilai-nilai murni merentas kurikulum dalam semua mata pelajaran dan tidak terbatas kepada Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam sahaja. Terdapat 16 nilai yang telah dipilih iaitu nilai-nilai yang dipersetujui oleh semua agama, budaya dan norma masyarakat Malaysia.¹⁹ Dalam pada itu, Bahasa Melayu diberikan peranan sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu saintifik. Bahasa Melayu diajar merentas kurikulum.²⁰ Kurikulum bersepadu ini juga memberi penekanan terhadap kokurikulum yang mana akan memainkan peranan yang penting kepada hubungan yang baik dan terbina di antara murid-murid, sekolah dan masyarakat setempat.²¹

Kementerian Pendidikan juga menetapkan pada peringkat menengah atas di samping setiap murid mempunyai subjek teras yang sama, murid juga diberikan kebebasan untuk memilih sekurang-kurangnya dua elektif dan tidak lebih daripada empat iaitu kemanusiaan, teknik dan vokasional, Sains, dan Pendidikan Islam. Pendidikan Moral dan Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran teras. Pendidikan Moral adalah wajib kepada semua murid bukan Islam

manakala Pendidikan Islam adalah diwajibkan kepada murid beragama Islam. Mata pelajaran Sejarah dijadikan teras kepada kepentingannya kepada jati diri rakyat dan perpaduan negara. Bahasa Arab telah ditawarkan sebagai subjek tambahan dalam kumpulan kemanusiaan.²² Bahasa yang lain juga ditawarkan jika memenuhi syarat penyertaan minimum dan ada guru yang berkebolehan mengajarnya.

KBSM lahir daripada kesedaran bahawa terdapat keperluan yang mendesak bagi perkembangan intelek peringkat tinggi. Adalah diakui bahawa kurikulum sebelum ini menekankan aspek kognitif namun ia tidak seimbang. Kurikulum lama lebih menekankan tahap rendah dalam arus perkembangan kognitif Taksonomi Bloom seperti mengetahui, maklumat, mengingati, memberikan maklumat, dan memahami.²³ Terdapat hanya sedikit latihan yang diberikan kepada perkembangan kognitif peringkat tinggi seperti aplikasi, sintesis dan penilaian. Latihan untuk peringkat rendah ini tidak akan menghasilkan individu yang kritis, inovatif dan kreatif.

Oleh itu, kaedah pendidikan kurikulum baru ini menekankan pengurangan pengajaran yang berpusatkan guru di mana murid-murid bergantung sepenuhnya kepada apa yang disampaikan oleh guru. Kurikulum baru ini juga cuba mengurangkan autoriti guru yang berlebihan kerana suasana pembelajaran yang sedemikian akan menyebabkan murid-murid hanya memberikan idea yang tidak bertentangan dengan idea autoritarian guru. Akibatnya kreativiti murid akan dimatikan begitu sahaja dan ini tidak sihat untuk perkembangan intelek dan peribadi murid. Antara strategi pengajaran yang dicadangkan ialah main peranan, simulasi, penemuan/penyelidikan, *survey* dan soal selidik, perbincangan, penyoalan kaedah Socratis, dan juga penyelesaian masalah melalui kaedah saintifik.

Perubahan Pendidikan: Isu Bahasa Melayu Dalam Pendidikan 1970 – 1990

Terdapat beberapa faktor yang membolehkan sesuatu bahasa itu dijadikan sebagai bahasa Kebangsaan. Faktor yang pertama ialah majoriti daripada penduduknya menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa komunikasi.²⁴ Kedua, bahasa tersebut haruslah merupakan bahasa yang asli daripada kawasan itu supaya dapat memberikan identiti kepada sesebuah bangsa.²⁵ Ketiga, bahasa tersebut merupakan bahasa yang telah digunakan sebagai bahasa pentadbiran sebelum kemasukan kuasa penjajah.²⁶ Demikian itu, Bahasa Melayu merupakan bahasa yang memenuhi syarat-syarat tersebut memandangkan tiada tentangan dalam menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di Sekolah Kebangsaan dan dijadikan sebagai suatu mata pelajaran wajib di pelbagai Sekolah Jenis Kebangsaan.²⁷ Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) ini boleh terus menggunakan Bahasa Inggeris, Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah masing-masing sehingga satu Program Pengalihan Bahasa yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1970 dilaksanakan.²⁸ Berdasarkan program ini, semua Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar akan dialihkan secara berperingkat ke Sekolah Kebangsaan Melayu mulai tahun tersebut. Proses peralihan ini berjalan sehingga tamat persekolahan bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah menjadi Sekolah Kebangsaan sepenuhnya dengan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar pada tahun 1982.²⁹ Di Semenanjung Malaysia, kebanyakan sekolah menengah telah menggantikan bahasa pengantar kepada Bahasa Malaysia, manakala di Sabah dan Sarawak telah memulakan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai pengantar di sekolah-sekolah menengah.³⁰ Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) dan Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985),

dasar pendidikan negara tidak banyak berubah dan peranan utama pendidikan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ialah:

“Untuk memupuk penyatuan dan perpaduan negara melalui penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama, menanamkan nilai-nilai kebangsaan. Untuk memenuhi keperluan tenaga manusia negara, sistem pendidikan dan latihan akan dimaju dan disesuaikan lagi dengan penekanan diberi kepada bidang sains dan teknologi”³¹

Manakala peranan utama pendidikan di dalam Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985) ialah:

“Program pendidikan dan latihan akan terus dipergiatkan ke arah memupuk perpaduan negara dan meningkatkan penyertaan semua rakyat Malaysia dalam pembangunan negara. Dasar untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama akan dilaksanakan sepenuhnya di peringkat pendidikan menengah di Semenanjung Malaysia dan Sabah pada tahun 1982, serta di Sarawak pada tahun 1990”³²

Pendidikan pada peringkat rendah dijalankan bagi kanak-kanak yang berumur enam tahun ke atas. Terdapat tiga jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT).³³ Bahasa pengantar yang digunakan di Sekolah Kebangsaan ialah Bahasa Malaysia manakala Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina pula menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa pengantar sementara Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil menggunakan Bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar.³⁴ Di Semenanjung dan di Sabah, Sekolah Rendah Kebangsaan yang dahulunya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) telah menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya pada tahun 1975. Di Sarawak pula rancangan alih bahasa ke Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) telah dilaksanakan pada tahun 1977 bermula dengan Darjah Satu.

Pendidikan pada peringkat Menengah Rendah menggunakan sama ada Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pendidikan di peringkat ini diberi dalam jangka masa tiga tahun kecuali bagi murid-murid yang berasal dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil yang perlu mengikuti Kelas Peralihan sebelum memasuki Tingkatan Satu aliran Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Bagi mereka, kursus pengajian di peringkat Menengah Rendah adalah selama empat tahun. Kelas Peralihan diadakan khusus dengan tujuan untuk meningkatkan kebolehan bahasa murid-murid sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris sesuai dengan aliran-aliran bahasa pengantar yang terdapat di peringkat Menengah Rendah. Tetapi semenjak tahun 1975, iaitu lanjutan daripada rancangan alih bahasa yang bermula di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris di Semenanjung pada tahun 1970, Kelas Peralihan hanya diadakan dalam Bahasa Malaysia untuk menampung murid-murid dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.³⁵

Di peringkat Menengah Rendah, pelaksanaan alih bahasa di Tingkatan Satu telah dijalankan sepenuhnya pada tahun 1976 diikuti oleh Tingkatan Dua pada tahun 1977 dan kemudian Tingkatan Tiga pada tahun 1978. Semua murid di peringkat pendidikan Menengah Rendah dinaikkan tingkatan secara automatik dari Tingkatan Satu hingga ke Tingkatan Tiga dan di akhir Tingkatan Tiga mereka mengambil peperiksaan awam iaitu Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau Peperiksaan *Lower Certificate of Education*. Peperiksaan ini dikendalikan dalam kedua-dua bahasa pengantar iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Bahasa Malaysia ialah

untuk Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran manakala Bahasa Inggeris ialah untuk Peperiksaan *Lower Certificate of Education*.

Bagi sekolah di peringkat menengah atas dan juga peringkat menengah rendah ia menggunakan dua bahasa pengantar iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Berdasarkan kepada rancangan alih bahasa, pendidikan di peringkat ini akan diberi menerusi Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dari Tingkatan Empat hingga Tingkatan Lima pada tahun 1980.³⁶ Jadual berikut menunjukkan jumlah murid Sekolah Menengah Atas Kerajaan dan Bantuan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mengikut bahasa pengantar bagi tahun 1971 sehingga 1978.

Jadual 4: Jumlah murid Sekolah Menengah Atas Kerajaan dan Bantuan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mengikut bahasa pengantar bagi tahun 1971 sehingga 1978.

	SEMENANJUNG			SABAH			SARAWAK		
	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Jumlah	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Jumlah	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Jumlah
1971	32829	63425	96254			4074	*	4595	4595
1972	35206	76466	111672			5900	*	532	5322
1973	43663	81715	125378			7148	*	2	6046
1974	52932	90534	143466			6534	35	6046	6405
1975	68290	96774	165064			6619	118	6370	7246
1976	76859	98915	175774	174	6150	7996	246	7128	8351
1977	97163	100119	197282	200	6581	8452	439	8105	11447
1978	103163	111465	214628	253	8231	8484	686	11008	11989
								11303	

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran dan Jabatan Pelajaran Sabah dan Jabatan Pelajaran Sarawak)

*Tidak ada Sekolah Menengah Atas aliran Bahasa Malaysia bagi tahun 1971 – 1973.

Menurut Mahzan Arshad, kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sememangnya menjadi perhatian bukan sahaja pihak sekolah serta pegawai Kementerian Pelajaran pada ketika itu, tetapi juga ibu bapa, pemimpin masyarakat, dan ahli politik. Banyak punca kelemahan yang menyebabkan kegagalan pelajar dalam mata pelajaran ini. Dalam banyak kajian dilakukan, dapatkan menunjukkan kelemahan murid-murid berpunca daripada kelemahan dalam kaedah dan teknik pengajaran merupakan salah satu punca utama yang menyebabkan pelajar lemah dalam mata pelajaran ini.³⁷ Guru tidak menggunakan pelbagai bahan yang dapat menarik perhatian pelajar ketika mengajar, pelajar tidak dapat menumpukan perhatian kerana teknik pengajaran guru yang membosankan, guru tidak mempunyai peralatan yang mencukupi bagi melaksanakan pengajaran yang berkesan, latihan yang diberikan guru sama sahaja sepanjang tahun, dan pelbagai alasan yang menunjukkan bahawa proses pengajaran yang terlalu terkongkong dengan kurikulum dan peperiksaan menyebabkan pelajar kurang memberikan perhatian serta tidak bermotivasi terhadap mata pelajaran ini.³⁸

Isu Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang digunakan di Malaysia.³⁹ Isu mengenai Bahasa Melayu di dalam bidang pendidikan menjadi perbincangan sepanjang tahun 1970 sehingga tahun 1990. Antara isu tersebut ialah kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Ini merujuk kepada penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa komunikasi utama yang melibatkan Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK), Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) dan guru-guru Bahasa

Malaysia. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar ialah bahasa yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Alat perhubungan yang dimaksudkan ialah Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa untuk berkomunikasi bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Satu bancian telah dijalankan pada tahun 1970 untuk mengenal pasti sejauh manakah penduduk di Malaysia kenal huruf. Kenal huruf ditakrifkan sebagai kebolehan membaca dan menulis.⁴⁰ Dalam Banci tahun 1970, dengan menggunakan ujian yang lebih lengkap, seseorang itu dianggap kenal huruf sekiranya ia boleh membaca akhbar dan menulis surat di dalam sebarang empat bahasa yang penting (Melayu, Inggeris, Cina, dan Tamil) atau sebarang bahasa lain.⁴¹ Dalam usaha untuk menganggarkan peringkat kepandaian di dalam bahasa kebangsaan (Bahasa Malaysia), setiap orang telah ditanya sama ada mereka boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dengan fasihnya atau tidak fasih.⁴² Dalam penganalisaan kenal huruf mengikut bahasa, tekanan adalah di atas kenal huruf dalam Bahasa Melayu oleh kerana Bahasa Melayu digunakan secara meluas sebagai '*lingua franca*'. Dasar kerajaan juga adalah untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan secara meluas.⁴³

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kerajaan meluaskan kemudahan pelajaran dan menyusun semula dasar pelajaran.⁴⁴ Perubahan yang penting sekali ialah penerimaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa nasional. Dasar ini menetapkan pengaruh kerajaan dalam menentukan darjah sistem sekolah dan melaksanakan bagi polisi bahasa. Mulai tahun 1970, sekolah aliran Inggeris sedang beransur-ansur ditukarkan kepada aliran Bahasa Malaysia, bermula dari pendaftaran sekolah rendah darjah satu dalam tahun 1970 dan ini akan pada akhirnya menukar susunan pelajaran apabila pelajar-pelajar menaiki tingkat tangga pelajaran.⁴⁵ Jadual berikut menunjukkan jumlah bilangan murid Sekolah Menengah Rendah Semenanjung Malaysia yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar mengikut aliran dan kaum bagi tahun 1971 sehingga 1978.

Jadual 5: Jumlah murid Sekolah Menengah Rendah Semenanjung Malaysia yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar mengikut aliran kaum 1971-1978.

Tahun	Bahasa Pengantar Bahasa Malaysia				
	M	C	I & P	L	Jumlah
1971	113833	1098	5099	283	120313
1972	135843	2347	7866	437	146493
1973	159716	5016	11872	565	177169
1974	182359	7371	15471	655	205856
1975	201814	18476	18712	712	239714
1976	260759	11404	37192	1452	413447
1977	329105	189758	55642	2779	577284
1978	355747	229526	65561	2854	653688

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran, Kementerian Pelajaran

Jadual di atas menunjukkan jumlah murid-murid di Sekolah Menengah Rendah Semenanjung Malaysia yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar meningkat dari tahun 1971 hingga 1978. Jumlah kaum Melayu pada tahun 1971 adalah pada peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 94.6 peratus manakala kaum India pula menduduki peratus tertinggi yang kedua iaitu 4.2 peratus. Kaum Cina pula adalah sebanyak 0.9 peratus manakala lain-lain sebanyak 0.2 peratus. Pada tahun 1972 pula, kaum Melayu masih menduduki kedudukan peratus yang tertinggi iaitu 92.7 peratus, kaum Cina 1.6 peratus, kaum India 5.4 peratus, dan lain-lain pula sebanyak 0.3 peratus. Tahun 1973 pula kedudukan peratus kaum Melayu ialah 90.1 peratus

manakala kaum Cina sebanyak 2.83 peratus, kaum India 6.7 peratus, dan lain-lain adalah sebanyak 0.3 peratus. Seterusnya, pada tahun 1974, peratus kaum Melayu yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Sekolah Menengah Rendah Semenanjung Malaysia ialah 88.7 peratus. Peratus bagi kaum Cina pula ialah 3.6 peratus manakala kaum India lebih tinggi daripada kaum Cina iaitu sebanyak 7.5 peratus dan lain-lain pula sebanyak 0.3 peratus. Tahun 1975 pula masih mengekalkan kaum Melayu sebagai peratus kedudukan yang tertinggi iaitu 84.2 peratus dan kaum India di tempat kedua iaitu 7.8 peratus. Kaum Cina pula hanya berbeza 0.1 peratus kurang daripada kaum India iaitu sebanyak 7.7 peratus manakala lain-lain ialah 0.03 peratus. Pada tahun 1976, peratus kaum Melayu ialah 63.06 peratus, kaum Cina 2.8 peratus, kaum India 9.0 peratus, dan lain-lain ialah 0.35 peratus. Pada tahun 1977, peratus kedudukan kaum Melayu yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di Sekolah Menengah Rendah Semenanjung Malaysia ialah 57.0 peratus manakala kaum Cina pula ialah sebanyak 32.9 peratus. Kaum India sebanyak 9.63 peratus dan lain-lain adalah 0.48 peratus. Tahun terakhir iaitu tahun 1978 pula, kaum Melayu adalah sebanyak 54.4 peratus, kaum Cina 35.11 peratus manakala kaum India sebanyak 10.03 peratus dan lain-lain adalah sebanyak 0.43 peratus. Jelasnya, kaum Melayu merupakan kaum yang paling ramai menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar berbanding dengan kaum-kaum yang lain pada tahun 1970-an.

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia 1982, pelaksanaan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran mengeluarkan satu peraturan dengan mewajibkan pengajaran bahasa kebangsaan di semua peringkat dan jenis sekolah iaitu *Peraturan-peraturan (Kursus-kursus Pengajian) Sekolah 1956*.⁴⁶ Demikian juga ketetapan menjadikan kelulusan dalam mata pelajaran ini sebagai syarat wajib untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam khususnya Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).⁴⁷ Tarikh-tarikh penting pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam peperiksaan bermula pada tahun 1957. Pada tahun tersebut, Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu (*Federation of Malaya Certificate of Education*) yang berpengantar Bahasa Inggeris diperkenalkan buat pertama kalinya dengan mewajibkan kelulusan dalam bahasa kebangsaan. Pada tahun 1960, Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dilaksanakan buat pertama kali. Seterusnya dalam tahun 1962, kelulusan dalam bahasa kebangsaan telah diwajibkan di dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran bagi aliran Inggeris dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Persekutuan dengan menggunakan pengantar Bahasa Melayu dilaksanakan. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi jurusan sastera yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dijalankan pada tahun 1967. Manakala pada tahun 1969 pula, Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan bagi jurusan Sains dan Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah dilaksanakan. Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge Seberang Laut telah dimansuhkan pada tahun 1970 dan digantikan dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Jelasnya, tahun 1970-an adalah tempoh yang penting dalam proses memperkasakan kedudukan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan. Ini kerana semua peperiksaan mula dikendalikan dalam Bahasa Melayu bagi tempoh tersebut.

Mata pelajaran bahasa kebangsaan ditukar menjadi Bahasa Malaysia I dan Bahasa Melayu menjadi Bahasa Malaysia II.⁴⁸ Kelulusan dalam Bahasa Malaysia I diwajibkan untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan *Malaysia Certificate of Education*. Selain itu, mata pelajaran bahasa kebangsaan digantikan dengan mata pelajaran Bahasa Malaysia bagi peringkat Sijil Rendah Pelajaran untuk semua pengantar. Kertas Bahasa Malaysia I telah dimansuhkan pada tahun 1970 manakala kertas Bahasa Malaysia II ditukar nama menjadi

kertas Bahasa Malaysia sahaja.⁴⁹ Kelulusan dalam Bahasa Malaysia diwajibkan bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan *Malaysia Certificate of Education*. Pada tahun 1978, Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dijalankan hanya dengan perantaraan Bahasa Malaysia manakala dua tahun seterusnya iaitu pada tahun 1980, Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dijalankan hanya dengan perantaraan Bahasa Malaysia. Tahun 1982 pula Peperiksaan Sijil Tinggi Persekutuan akan dijalankan hanya dengan perantaraan Bahasa Malaysia.⁵⁰ Ringkasnya, tahun 1980-an adalah dekad yang menyaksikan proses pengukuhan kedudukan Bahasa Melayu kerana peperiksaan pada peringkat sekolah menengah seperti Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia menggunakan Bahasa Melayu sebagai perantaraan.

Pendidikan Bahasa Malaysia bertujuan menyatukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Sesuai dengan matlamat tersebut, Bahasa Malaysia telah dijadikan satu mata pelajaran wajib di semua peringkat dan jenis sekolah serta kelulusan dalam mata pelajaran ini adalah dijadikan syarat utama untuk mendapatkan kelulusan dalam peperiksaan awam seperti SRP/LCE, SPM/MCE dan SPVM/MCVE.⁵¹ Pada tahun 1957, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan dan pelajar Melayu di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan menggunakan dua jenis sukanan pelajaran iaitu Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu dan Sukatan Pelajaran Bahasa Kebangsaan untuk Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan yang berpengantar Inggeris, Cina dan Tamil. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran telah mewujudkan satu sukanan pelajaran yang baharu untuk digunakan di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris mulai tahun 1970, dan seterusnya di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil pada tahun 1971. Oleh itu, hanya ada satu sukanan pelajaran yang digunakan di sekolah rendah dan tidak ada dua sukanan pelajaran seperti sebelumnya.

Tujuan pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat sekolah rendah adalah murid boleh menggunakan bahasa yang sesuai dengan perkembangan kanak-kanak berumur 12 tahun dalam perhubungan sehari-hari dan dalam mempelajari mata pelajaran yang terkandung di dalam kurikulum sekolah rendah. Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia yang tunggal bagi Tingkatan Satu, Dua dan Tiga untuk Sekolah Menengah Rendah telah dilaksanakan di semua Tingkatan Satu pada tahun 1973. Bagi peringkat menengah atas pula telah dilaksanakan di semua Tingkatan Lima pada tahun 1978. Tujuan pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat ini ialah untuk membolehkan murid menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi yang berkesan untuk melahirkan fikiran dan perasaan mengenai ilmu pengetahuan, hal-hal kemasyarakatan dan persendirian dalam konteks rasmi, tak rasmi dan kreatif, serta mencapai kecekapan bahasa berorientasikan jenis pekerjaan selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.⁵²

Bahasa Malaysia telah dijadikan bahasa pengantar di sekolah-sekolah bagi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, isu Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar mendapat tumpuan tentang peranan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di Sarawak. Sebelum tahun 1970, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris di Sabah dan Sarawak menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Pada tahun 1970, semua mata pelajaran di Darjah Satu, melainkan Bahasa Inggeris dan bahasa ibunda selain dari Bahasa Malaysia diajarkan dalam Bahasa Malaysia.⁵³ Manakala di Sarawak, pelaksanaannya dimulakan pada tahun 1977, iaitu untuk Darjah Satu. Oleh yang demikian, perkembangan penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di Sarawak pada ketika itu tidak begitu meluas kerana pelaksanaannya hanya bermula mulai tahun 1977. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di dalam peperiksaan seperti yang disebutkan di atas telah dilaksanakan di Semenanjung dan di Sabah. Di Sarawak, Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran yang menggunakan pengantar Bahasa Malaysia telah dimulakan pada tahun 1977. Matlamat

kerajaan untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah telah tercapai sepenuhnya. Mulai tahun 1981, semua sekolah menengah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar hingga ke Tingkatan Enam Rendah. Bahasa Malaysia juga telah dilaksanakan sebagai mata pelajaran wajib di semua jenis sekolah rendah dan menengah.⁵⁴

Namun begitu, sejauh manakah matlamat kerajaan diterima dalam kalangan murid-murid sekolah. Jawapan kepada persoalan ini boleh dicerap daripada Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia. Laporan tersebut membincangkan tentang kegagalan murid-murid dalam peperiksaan SPM. Menurut laporan tersebut, kegagalan murid-murid ini di dalam peperiksaan SPM dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah kerana mereka mereka tidak berminat untuk mempelajari mata pelajaran ini dengan bersungguh-sungguh. Adalah didapati bahawa peluang belajar bagi murid-murid berbeza mengikut latar belakang.⁵⁵ Di kawasan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama, murid banyak terdedah kepada penggunaan bahasa basahan, bahasa perhubungan am dan dialek tempatan. Oleh itu, mereka kurang terdedah dengan penggunaan Bahasa Malaysia yang lebih bersifat teknikal dan formal. Di kawasan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua, murid kurang terdedah kepada penggunaan Bahasa Malaysia di dalam konteks sebenar.⁵⁶ Buktinya, dalam dunia pendidikan pada tahun 1970 berhadapan dengan isu yang kritikal yang boleh menggugat matlamat pendidikan yang dirangka oleh kerajaan. Ini kerana murid tidak berminat mempelajari Bahasa Melayu.

Keadaan tersebut bertambah serius dan membimbangkan. Peluang bagi murid untuk memperkuuhkan kemahiran Bahasa Malaysia melalui pembacaan pula amat kurang kerana kebanyakan sekolah tidak mempunyai kemudahan perpustakaan.⁵⁷ Sekolah yang memiliki perpustakaan pula menghadapi masalah pengelolaan disebabkan kekurangan tenaga pengelola yang terlatih, kesempitan ruang dan masa terutamanya sekolah besar dan sekolah dua sidang sehari. Bahan bacaan yang sesuai dan diperangkat-perangkatkan juga tidak banyak. Ringkasnya, isu yang berkaitan dengan minat ini juga berkait dengan kekurangan infrastruktur di sekolah. Justeru, perkembangan dalam tahun 1970 memperlihatkan bahawa isu Bahasa Melayu ini berkait rapat dengan infrastruktur.

Oleh itu, dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan minat murid ekoran daripada kekurangan prasarana, KPM telah menubuhkan pusat sumber bahasa. Penubuhan pusat sumber bahasa juga untuk membolehkan murid-murid menguasai Bahasa Malaysia dalam masa yang paling singkat. Pusat sumber merupakan tempat di mana tersimpannya koleksi bahan-bahan rujukan bahasa, khususnya Bahasa Malaysia untuk menambahkan pengetahuan guru-guru Bahasa Malaysia dan koleksi bahan-bahan dan alatan mengajar untuk kegunaan guru-guru. Ia juga meliputi tempat di mana guru-guru Bahasa Malaysia berpeluang untuk mendapat bimbingan dan mengadakan perbincangan dengan matlamat untuk mempertinggi mutu pengajaran mereka. Ia merupakan pusat di mana guru-guru Bahasa Malaysia mendapat latihan sambil kerja secara tidak formal dalam hal-hal penggunaan dan penghasilan bahan-bahan dan alatan untuk membantu pengajaran Bahasa Malaysia. Tujuan utama ialah untuk membolehkan mereka meninggikan kemahiran mereka dalam pengajaran melalui penggunaan bahan dan alat yang sesuai dengan murid-murid mereka. Pusat sumber mestilah mempunyai sudut bengkel di mana bahan-bahan atau alat bantuan mengajar dapat dihasilkan dengan cara yang mudah dan murah. Pengajaran Bahasa Malaysia memerlukan kepelbagaian sumber pengajaran baik dari segi bahan yang hendak diajar maupun alat bantuan mengajar. Bahkan pengajaran Bahasa Malaysia memerlukan kepelbagaian pendekatan dan teknik. Di sinilah terletaknya kepentingan pusat sumber Bahasa Malaysia ini. Pusat sumber bahasa seharusnya dapat memberi

perkhidmatan yang lengkap kepada guru-guru Bahasa Malaysia dalam tugas harian mereka. Kepentingan pusat sumber bahasa ini juga ialah dapat mengembangkan perkhidmatan perpustakaan yang sedia ada, dengan membekalkan bahan-bahan bacaan dan rujukan yang boleh dipinjam dan digunakan oleh guru-guru untuk meningkatkan mutu pengajaran Bahasa Malaysia mereka.

Walau bagaimanapun, kekurangan infrastruktur boleh dianggap agak kecil berbanding dengan kepincangan yang berlaku akibat daripada kegagalan guru yang mengajar Bahasa Melayu seperti mana yang diarahkan oleh KPM. Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia menyatakan bahawa antara faktor kegagalan murid-murid dalam Bahasa Malaysia yang amat ketara ialah terdapat guru yang tidak dapat mentafsirkan kehendak sukan pelajaran dengan tepat. Setengahnya memahamkan bahawa pengajaran bahasa harus berorientasikan huraiannya tatabahasa, tetapi apa yang dikehendaki oleh sukan pelajaran ialah pengajaran yang berorientasikan gunaan. Tiada pernyataan di dalam sukan pelajaran yang menekankan satu-satu aspek bahasa telah difahamkan oleh sesetengah guru sebagai tidak perlu diajarkan sama sekali.⁵⁸ Selain itu, terdapat juga tanda-tanda yang menunjukkan wujudnya kekaburuan di kalangan sesetengah guru mengenai pengajaran untuk kemahiran. Kekaburuan ini menyebabkan mereka tidak memberikan penekanan yang seimbang di dalam pengajaran mereka, iaitu di antara aktiviti pembelajaran untuk kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis, dan tatabahasa. Tuntasnya, isu-isu yang berkaitan Bahasa Melayu dalam bidang pendidikan berpunca juga daripada kalangan guru.

Selain daripada masalah kegagalan guru untuk memahami sukan pelajaran sepenuhnya, isu berkaitan Bahasa Melayu juga disebabkan oleh pendekatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kebanyakan hal, penekanan yang diberikan kepada aspek kemahiran menulis adalah melebihi yang lain. Terdapat juga guru yang mengajar bersandarkan bahan daripada buku teks semata-mata. Penyesuaian bahan dengan situasi kelas dan keadaan murid serta pembinaan bahan sendiri jarang dilakukan oleh guru.

Untuk mengatasi masalah yang timbul, kursus-kursus dalam perkhidmatan telah juga dikendalikan untuk kira-kira 165600 guru berkelayakan dengan tujuan meningkatkan mutu pengajaran.⁵⁹ Kursus-kursus ini termasuk kursus setahun bagi mata pelajaran tertentu seperti Sains Pertanian, Pendidikan Pemulihan dan Pendidikan Khas kepada kanak-kanak cacat penglihatan dan cacat pendengaran. Di samping itu, kursus tiga tahun dijalankan bagi pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama.⁶⁰ Akan tetapi, hanya sedikit pembaharuan yang disarankan di dalam kursus seumpama ini sampai ke bilik darjah. Sungguhpun mereka telah mengikuti kursus Bahasa Malaysia, kursus yang mereka ikuti itu adalah kursus kefasihan dan tidak mengandungi unsur penggunaan bahasa untuk tujuan atau bidang khusus.⁶¹

Selain itu, isu lain yang timbul berkaitan dengan Bahasa Melayu ialah masalah kekurangan guru untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia. Sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris yang lazimnya tidak mempunyai guru untuk mengajar mata pelajaran dalam Bahasa Malaysia. Kementerian Pelajaran telah menjalankan kursus dalam perkhidmatan intensif bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia untuk guru-guru terlatih yang lemah dalam bahasa itu tetapi tidak menjalankan sebarang penilaian bagi menentukan sama ada mereka yang telah mengikuti kursus itu cekap mengajar dalam bahasa Malaysia atau sebaliknya. Berhubung dengan isu tersebut, Kementerian Pelajaran telah menjalankan kursus dalam perkhidmatan yang intensif bagi Bahasa Malaysia untuk guru-guru terlatih yang lemah dalam bahasa itu dengan tujuan untuk membolehkan mereka menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di

sekolah-sekolah. Sungguhpun kursus itu telah dijalankan sejak tahun 1970, tetapi hingga sekarang Kementerian Pelajaran belum lagi menjalankan suatu penilaian untuk menentukan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau sebaliknya.⁶² Seterusnya, guru Bahasa Malaysia di sekolah terdiri daripada penutur asli dan bukan penutur asli Bahasa Malaysia. Hanya sebilangan kecil daripada mereka menerima latihan khas untuk menjadi guru bahasa. Sebilangan guru lagi hanya menerima latihan untuk menjadi guru mata pelajaran am atau tidak terlatih. Hakikat ini mewujudkan gejala yang telah menjelaskan mutu pengajaran guru dan hasil pembelajaran murid.

KESIMPULAN

Pada tahun 1970, Bahasa Melayu secara sepenuhnya dijadikan bahasa pengantar di sekolah aliran Inggeris, Cina dan Tamil. Bahasa Melayu juga menjadi mata pelajaran wajib di semua sekolah dan mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan awam. Isu yang timbul mengenai Bahasa Melayu di sekolah-sekolah mendapat perhatian pihak yang bertanggungjawab dan diselesaikan dengan mengambil langkah yang sepatutnya dilakukan. Antara isu yang timbul sepanjang tempoh kajian ialah kekurangan guru, kekurangan prasarana pembelajaran dan kegagalan murid-murid di dalam peperiksaan awam. Oleh yang demikian, langkah yang progresif diambil untuk mengatasinya seperti mengadakan kursus-kursus bagi guru-guru untuk meningkatkan mutu pengajaran, menubuhkan pusat sumber bahasa dan menyediakan bahan pembelajaran yang lengkap kepada murid-murid.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian daripada kajian ilmiah yang dikemukakan di Jabatan Sejarah UPSI pada 2018. Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada editor dan penilai atas teguran dan cadangan yang diberikan.

Bibliografi

- Kamarudin Hj. Kachar. 1989. *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd. *Laporan Am Banci Penduduk Malaysia 1970 Jilid 1*.
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan pada tahun 1979, <https://anyflip.com/rwbzi/deeu/basic>
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*.
- Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. 1982. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahzan Arshad. 2008. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu : Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur : Utusan Publications.
- Mohd Safar Hasim. 1986. *Pengaliran Berita Antarabangsa : Satu Kajian terhadap Laporan Kejadian 13 Mei 1969 oleh Akhbar Barat*.
- Mohd Salleh Lebar. *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*.
- Nizamuddin Alias, Farid Sufian Shuaib. *Kedudukan, Status dan Peranan Bahasa Melayu di Malaysia*.
- Ramli Saadon et al. *Perkembangan Pendidikan Orang Melayu di Malaya sebelum Kemunculan Western-Type-Education*.
- Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara
- Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara
- Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki et al. *Pendidikan di Malaysia*.
- Shahril Marzuki, Habib Mat Som. *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*.

Perkembangan pendidikan di Malaysia selepas 1969

Shahril Marzuki, Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*. Hlm 81.
Surat Pekeliling Ikhtisas (Profesional) No. 8/1969. *Pelaksanaan Mengajar semua Mata Pelajaran dalam Bahasa Malaysia di Darjah Satu di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris mulai tahun 1970.*

¹ Mohd Salleh Lebar. *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Hlm 122; Kejadian 13 Mei merupakan satu rusuhan antara orang Melayu dan Cina yang juga disertai oleh orang India yang berlaku di Kuala Lumpur pada malam 13 Mei berikutan pilihanraya umum ketiga. Dalam pilihanraya yang berlangsung pada 10 Mei, Parti Perikatan kembali berkuasa tetapi dengan jumlah kerusi yang sedikit dalam Parlimen. Berikutan pilihanraya itu, dua perarakan diadakan oleh parti pembangkang dan penyokong parti pemerintah bersiap sedia untuk berarak pada malam 13 Mei apabila kekacauan Meletus. Keadaan di Kuala Lumpur sebenarnya sudah tegang berikutan perarakan pengkebumian seorang ahli Parti Buruh yang ditembak mati oleh polis dalam satu peristiwa di Kepong. Kejadian rusuhan yang bermula pada 13 Mei berakhir 6 hari kemudian. Tragedi 13 Mei 1969 telah menyebabkan kerajaan menggubal Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara, Mohd Safar Hasim. 1986. *Pengaliran Berita Antarabangsa : Satu Kajian terhadap Laporan Kejadian 13 Mei 1969 oleh Akhbar Barat*. Hlm 23.

² Ibid. Hlm 123.

³ Kamarudin Hj. Kachar. 1989. *Perkembangan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Teks Publishing Sdn. Bhd. Hlm 49.

⁴ *Laporan Am Banci Penduduk Jilid 1*. Hlm 125.

⁵ Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki et al. *Pendidikan di Malaysia*. Hlm 253.

⁶ Ibid.

⁷ Ibid. Hlm 110.

⁸ Ibid.

⁹ Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan pada tahun 1979,
<https://anyflip.com/rwbzi/deeu/basic>

¹⁰ Ibid. Hlm 51.

¹¹ Ibid.

¹² Ibid. Hlm 52.

¹³ Ibid.

¹⁴ Shahril Marzuki, Habib Mat Som. 1999. *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*. Hlm 81.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki et al. *Pendidikan di Malaysia*. Hlm 120.

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid. Hlm 125.

²⁰ Shahril Marzuki, Habib Mat Som. *Isu Pendidikan di Malaysia : Sorotan dan Cabaran*. Hlm 85.

²¹ Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki et al. *Pendidikan di Malaysia*. Hlm 124.

²² Shahril Marzuki, Habib Mat Som. *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*. Hlm 89.

²³ Ibid. Hlm 85.

²⁴ Nizamuddin Alias, Farid Sufian Shuaib. *Kedudukan, Status dan Peranan Bahasa Melayu di Malaysia*. Hlm 4.

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

²⁷ Mahzan Arshad. 2008. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications. Hlm 11.

²⁸ Ibid.

²⁹ Ibid.

³⁰ Saedah Hj. Siraj, Shahril Marzuki et al. *Pendidikan di Malaysia*. Hlm 12.

³¹ *Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. Hlm 148.

³² *Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. Hlm 162.

³³ Mohd Salleh Lebar. *Perubahan dan Kemajuan Pendidikan di Malaysia*. Hlm 81.

³⁴ Ibid. Hlm 14.

³⁵ *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Hlm 21.

³⁶ Ibid. Hlm 31.

³⁷ Mahzan Arshad. *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan*. Hlm 54.

³⁸ Ibid.

³⁹ *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm 15.

⁴⁰ *Laporan Am Banci Penduduk Malaysia 1970 Jilid 1*. Hlm 83.

⁴¹ Ibid.

⁴² Ibid.

⁴³ Ibid. Hlm 93.

⁴⁴ Ibid. Hlm 98.

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Hlm 92.

⁴⁷ Ibid.

⁴⁸ Ibid. Hlm 94.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ Ibid.

⁵¹ *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Hlm 84.

⁵² Ibid. Hlm 91.

⁵³ Surat Pekeliling Ikhtisas (Profesional) No. 8/1969. *Pelaksanaan Mengajar semua Mata Pelajaran dalam Bahasa Malaysia di Darjah Satu di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris mulai tahun 1970*.

⁵⁴ Ibid. Hlm 95.

⁵⁵ *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Hlm 97.

⁵⁶ Ibid.

⁵⁷ Ibid.

⁵⁸ Ibid. Hlm 95-96.

⁵⁹ *Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara. Hlm 546.

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia*. Hlm 96.

⁶² Ibid. Hlm 85-86.